

21/03/2005

Mahathir-Sekolah

PERMINTAAN MCA TIADA KAITAN DENGAN PENDIDIKAN - MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 21 Mac (Bernama) -- Permintaan MCA kepada kerajaan supaya membina lebih banyak sekolah Cina tiada kaitan dengan usaha mendapatkan pendidikan yang lebih baik, kata bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau berkata setiap orang mempunyai hak untuk pergi ke sekolah mana yang disukainya tetapi apa yang penting ialah mereka mestilah mendapat pendidikan yang betul.

"Permintaan (oleh MCA) itu sebenarnya tiada kaitan dengan usaha mendapatkan pendidikan yang baik. Anda boleh mendapat pendidikan di sekolah Inggeris, sekolah kebangsaan atau sekolah Jepun, tetapi permintaannya ialah sekolah Cina, itu sendiri tidak bermakna yang sekolah Cina akan memberikan anda lebih ilmu daripada sekolah Inggeris," kata beliau.

Dr Mahathir berkata kepada pemberita demikian selepas merasmikan pembukaan Persidangan Sains Akademik Islam ke-14 di sebuah hotel di sini.

Katanya bagi meningkatkan ilmu di kalangan pelajar, kerajaan telah melaksanakan pengajaran matematik dan sains dalam bahasa Inggeris.

"Itu satu faedah yang diperolehi oleh masyarakat Cina di sini sama seperti orang lain. Kita menggunakan bahasa yang sama, bahasa Inggeris, yang sama ada anda suka atau tidak, telah menjadi bahasa dunia pada hari ini," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata sekiranya masyarakat Cina memang berminat kepada pendidikan, maka sekolah kebangsaan yang pengajarannya dalam bahasa Inggeris, memenuhi matlamat mereka untuk mendapatkan ilmu yang diperlukan.

Dr Mahathir berkata masyarakat Cina juga perlu memisahkan isu kebudayaan daripada pendidikan kerana kedua-duanya berbeza dan tiada kaitan.

"Sebelum ini anda langsung tidak boleh mengadakan tarian singa di sini. Sekarang saya terpaksa membayar setiap kali saya mahukan mereka mengadakan persembahan," katanya.

Dr Mahathir berkata semua orang mestilah ingat bahawa mereka tinggal dalam masyarakat yang berbilang bangsa yang perlu bersatu.

"Daripada satu segi, kita tidak mengatakan bahawa anda harus melupakan asal-usul anda sebagai orang Cina atau India, kita tidak menyuruh anda berbuat demikian, tetapi pada satu tahap dalam kehidupan anda, anda perlu ke tempat yang sama untuk belajar supaya anda kenal mengenal antara satu sama lain, sekiranya itu baik untuk negara, ia juga baik untuk anda," katanya.

Mengenai seruan supaya kerajaan melonggarkan sedikit kawalannya terhadap sistem pendidikan, Dr Mahathir berkata kerajaan telah melakukan perkara itu terutamanya di peringkat pendidikan tinggi.

"Pada masa dahulu hanya terdapat universiti milik kerajaan, sekarang kita mempunyai pelbagai jenis universiti swasta dan terdapat tempat bagi semua orang untuk belajar dengan bayaran yang minimum," tambah beliau.

-- BERNAMA

YBK ZS KHY